

20/04/1998

Denda pembakaran terbuka disyor RM500,000

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan merancang meminda Akta Kualiti Alam Sekitar untuk menaikkan kadar denda maksimum bagi kesalahan pembakaran terbuka daripada RM100,000 pada masa ini kepada sekurang-kurangnya RM500,000.

Pertambahan kadar denda maksimum itu bertujuan sebagai amaran dan penghalang terhadap mereka yang melakukan kegiatan pembakaran terbuka di negara ini secara sewenang-wenangnya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata tambahan denda itu adalah satu daripada peruntukan baru yang sedang dikaji oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Selain itu, beliau berkata, pakar perundangan kementerian turut mengkaji kemungkinan memasukkan peruntukan mengenakan kos bayaran memadam kebakaran terhadap tuan punya tanah atau pesalah terbabit.

"Kita merasakan dengan masalah pembakaran terbuka kini memuncak ketika musim kering, masanya sudah tiba supaya hukuman setimpal dikenakan terhadap pesalah berkenaan," katanya dalam satu temu bual di sini.

Ketika ini, Peraturan Udara Bersih akta berkenaan mengenakan denda maksimum RM100,000; atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali terhadap individu, pemilik tanah atau syarikat jika sabit kesalahan.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu hukuman berat dikenakan terhadap pesalah yang melakukan pembakaran terbuka. Hukuman berat itu termasuk penjara mandatori dan denda yang lebih tinggi.

Law berkata, peruntukan lain seperti membenarkan kegiatan pembakaran terbuka bagi tiga sebab juga dijangka dikaji semula dengan memperkenalkan pengharaman mandatori hanya ketika musim kering.

Mengikut Bahagian III Peraturan Udara Bersih ketika ini, kebenaran hanya diberi bagi pembakaran terbuka pada daun dan dahan pokok di kawasan kediaman persendirian dan hanya dibenarkan di antara jam 8 pagi hingga 6 petang.

Selain itu, kebenaran diberi bagi pembakaran yang sengaja dilakukan pada tanah pertanian untuk mengawal penyakit/serangga, atau pembakaran yang dilakukan bagi bangkai binatang berpenyakit.

Kebeneran juga diberi bagi pembakaran yang sengaja dilakukan untuk menjalankan penyelidikan mengenai punca atau kawalan kebakaran, atau untuk memberi pendidikan kepada orang ramai.

(END)